



**JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG
BANGUNAN SULTAN ALAM SHAH
JALAN PERBANDARAN
41675 KLANG
SELANGOR DARUL EHSAN
NO. TELEFON : 03-3375 5555 samb. : 5117/ 5120
LAMAN WEB : www.mbdk.gov.my**

EMEL : jpph@mbdk.gov.my

**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PEMULANGAN BALIK CUKAI TAKSIRAN (REMISI)
SEKSYEN 162, AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
(Untuk simpanan pemohon)**

1. Permohonan boleh dibuat sekiranya **BANGUNAN KOSONG** (tidak dapat disewakan) lebih daripada satu (1) bulan kalendar.
 2. **Bangunan kosong** yang boleh dipohon Remisi adalah seperti berikut :-
 - a) Sesuatu flat yang lengkap (self-contained) dalam bangunan yang didirikan dengan pihak kelulusan pihak Majlis.
 - b) Mana-mana seluruh tingkat bagi bangunan yang mempunyai jalan atau pintu masuk yang berasingan
 - c) Ruang lantai tidak kurang daripada 1,000 kaki persegi pada tingkat yang sama sesuatu bangunan yang boleh disewakan sebagai suatu pejabat, kedai, kilang, gudang atau lain-lain kegunaan yang seumpamanya.
 3. **PERMOHONAN** hendaklah dibuat **2 KALI** setahun mengikut penggal iaitu :-
Penggal 1 (Januari - Jun) - Permohonan **diterima mulai 1 Januari hingga 7 Jun**
Penggal 2 (Julai - Disember) - Permohonan **diterima mulai 1 Julai hingga 7 Disember**
 4. Pemilik hendaklah mengemukakan :-
 - a) **NOTIS BERTULIS/ BORANG PERMOHONAN REMISI (JPPH.BPN-03/ JPPH.BPN-03A).**
 - Dalam tempoh 7 hari dari tarikh mulanya kekosongan bangunan iaitu sebelum/ pada **7hb setiap bulan kalendar**.
 - Sekiranya permohonan dikemukakan selepas **7hb setiap bulan kalendar**, permohonan hanya akan dikira mulai bulan berikutnya.
 - b) Salinan bil Cukai Taksiran yang terkini dan telah dijelaskan tanpa tunggakan.
 - c) Pemilik mesti mengemukakan **BUKTI** yang memuaskan hati Pihak Majlis bagi perkara-perkara berikut :-
 - i) Bangunan dalam keadaan baik dan layak diduduki
 - ii) Telah berusaha untuk mendapatkan penyewa dan mengemukakan bukti-bukti berikut :-
 - Gambar **terkini** yang mempamerkan kenyataan "**BANGUNAN UNTUK DISEWA**" pada bangunan, atau ;
 - Iklan **asal** di dalam akhbar tempatan - sebaiknya dalam Bahasa Malaysia, atau ;
 - Surat **asal** Agen Hartanah yang dilantik dan
 - iii) Sewa yang diminta adalah munasabah
 - iv) Bangunan telah kosong dalam tempoh yang dipohon Remisi
 - d) Bagi bangunan yang di dalam pembinaan semula atau pembaikan, perkara c) i) hingga iv) di atas tidak perlu dibuktikan. Walaubagaimanapun surat pengesahan daripada kontraktor atau permit kelulusan memulakan pembinaan kecil, perubahan dan tambahan kecil hendaklah **dikemukakan** kepada Pihak Majlis.
 - e) Mengemukakan **SURAT TUNTUTAN PEMULANGAN BALIK CUKAI TAKSIRAN (REMISI) (JPPH.BPN-03B)** kepada pihak Majlis tidak lewat dari satu (1) bulan selepas tamat tempoh penggal yang berkenaan :-
Penggal 1 (Januari - Jun) - Surat tuntutan Remisi **mesti diserahkan pada Bulan Julai**
Penggal 2 (Julai - Disember) - Surat tuntutan Remisi **mesti diserahkan pada Bulan Januari tahun berikutnya**
- SILA AMBIL PERHATIAN :**
PERMOHONAN REMISI TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN/ GAGAL, sekiranya Surat Tuntutan Remisi diterima oleh pihak Majlis **SELEPAS** Bulan Julai atau Bulan Januari tahun berikutnya (mengikut penggal Remisi dipohon).
- f) Pemilik hendaklah memberitahu kepada pihak Majlis secara bertulis sekiranya bangunan telah disewakan. Permohonan Remisi akan **DITOLAK** sekiranya didapati bangunan telah diduduki/ disewakan.